

SAFAR: ANTARA ADAT DAN SYARAK

Islam, Melayu dan Kepercayaan

Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas, begitulah sifat sesetengah kepercayaan dan adat (ritual) bangsa Melayu yang diwarisi dari nenek moyang mereka sejak turun temurun. Ia menggambarkan betapa pentingnya adat serta kepercayaan tersebut di dalam kehidupan mereka.

Dari satu sudut yang lain, kita juga tidak boleh melupakan bahawa Melayu sebelum kedatangan Islam ke Nusantara, boleh diibaratkan sebagai Melayu Jahiliyyah, iaitu Melayu yang belum terbuka akal-budinya kepada petunjuk Islam dan kehidupan bertamadun. Bahkan konsep Melayu dan bahasa Melayu itu sendiri tidak wujud sebelum Islam.

Profesor Tan Sri Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas, lewat tulisan beliau, **Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu**, menyatakan bahawa kedatangan Islam ke rantau Nusantara menandakan permulaan suatu zaman baru dalam peradaban tamadun Melayu. Beliau mengibaratkan kedatangan Islam ke alam Melayu sebagai ayam jantan yang berkokok, mengejutkan bangsa Melayu dari tidur, dan menyedarkan mereka bahawa kegelapan malam sudah berakhir; kini hari sudah siang, masa untuk bekerja dan memulakan kehidupan.

Islam telah membawa perubahan yang amat bermakna terhadap pemikiran, bahasa, adat dan cara mereka menguruskan kehidupan mereka secara keseluruhannya. Revolusi ini kelihatan jelas pada hasil-hasil penulisan ilmiah yang bersifat polemika, syarahan, terjemahan, dan lain-lain yang muncul pada abad-abad ke-15 hingga ke-17.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa dengan kedatangan Islam semenjak lebih 700 tahun yang lalu, amalan-amalan dan adat bangsa Melayu tadi telah diasimilasikan dengan tuntutan dan saranan syarak. Mana-mana amalan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam telah ditinggalkan serta tidak diamalkan lagi. Namun amalan ini masih kekal dipanggil sebagai adat.

Melayu Dan Safar

Walaupun begitu, di era kemajuan sains dan globalisasi ini, masih kedapatan di sana, beberapa bentuk adat dan cara kepercayaan Melayu, yang tidak mempunyai sebarang kaitan dengan Islam, masih kekal diamalkan oleh bangsa Melayu. Antaranya ialah kepercayaan yang berkaitan tentang bulan Safar.

Sesetengah bangsa Melayu mempercayai bahawa bulan Safar ialah suatu bulan yang boleh mendatangkan musibah kepada mereka yang melakukan sebarang aktiviti di dalam bulan ini. Oleh yang demikian, kita dapat memerhatikan

sesetengah orang Melayu mengelak daripada melakukan perkahwinan, kenduri dan sebagainya, semata-mata kerana terpengaruh dengan kepercayaan ini.

Dengan kata lain, kepercayaan sedemikian telah mengakibatkan mereka bersikap pesimis di dalam menghadapi hari-hari yang mendatang, semata-mata kerana menyangka sesuatu benda atau sela waktu, mampu memberi mudarat kepada mereka. Sudah tentu, ini akan mengakibatkan mereka lemas di dalam kemunduran dan kejumudan pemikiran.

Ini tidak banyak berbeza dengan tanggapan sesetengah masyarakat Arab moden yang masih mempercayai bahawa bulan Muharam adalah suatu bulan yang diharam daripada melakukan sebarang majlis keraian dan perkahwinan di dalamnya!

Pandangan Syarak

Islam sebagai suatu agama yang diutuskan kepada semua manusia, sentiasa menggalakkan para penganutnya agar sentiasa bersikap positif dari segi pemikiran, perbuatan dan sebagainya.

Firman Allah Taala di dalam surah at-Taubah, ayat 105 yang bermaksud: “ *Dan katakanlah: Beramallah kamu, maka Allah dan RasulNya, dan orang mukmin akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan* ”.

Tidak pernah wujud suatu ayat al-Quran pun yang menyuruh para muslimin agar tidak melakukan sesuatu perkara semata-mata kerana percayakan sesuatu tempat dan masa boleh memberikan mudarat kepada mereka.

Mereka perlu yakin bahawa hanya Allah Taala sahaja yang mampu memberi manfaat dan mudarat ke atas makhluk-makhlukNya. Firman Allah Taala di dalam surah al-Mulk, ayat 1 yang bermaksud:

“ *Maha Berkat (serta Maha Tinggilah Kelebihan) Tuhan yang menguasai pemerintahan (dunia dan akhirat) dan memanglah Dia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu* ”.

Bahkan, Islam menganggap mereka yang sentiasa bersikap pesimis di dalam kehidupan, adalah hampir menyerupai sikap masyarakat Arab Jahiliyyah yang mereka bentuk berhala-berhala semata-mata kerana mempercayai bahawa ia mampu memberi manfaat dan mudarat kepada mereka. Ini adalah berpandukan firman Allah Taala di dalam surah al-Furqan, ayat 3 yang bermaksud:

“ *Dan mereka (yang kafir) mengambil selain Allah menjadi tuhan, yang tidak dapat mencipta sesuatu pun, bahkan benda-benda itu diciptakan dan tidak kuasa*

memudaratkan atau memberi faedah untuk dirinya sendiri; dan tidak kuasa mematikan atau menghidupkan; atau pun membangkitkan semula”.

Bagi tajuk yang dibincangkan ini, terdapat sebuah hadis yang khusus melarang umat Islam daripada mempercayai bahawa bulan Safar mampu memberi mudarat kepada mereka. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

“ Tidak ada jangkitan penyakit secara sendiri tanpa sebab, tidak ada burung yang boleh mendatangkan mudarat, tidak ada bintang yang boleh mendatangkan hujan atau angin, tidak ada bencana di dalam bulan Safar”.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Konsep Musibah

Kita dapat memahami bahawa mereka yang bersikap pesimis ini sentiasa merasa bimbang dan keluh kesah tentang sesuatu musibah yang akan menimpa mereka pada bila-bila masa.

Bagi mengikis kebimbangan ini, bangsa Melayu, yang juga beragama Islam, perlu memahami konsep musibah yang bakal mereka hadapi pada hari-hari yang akan datang.

Mereka perlu memahami bahawa musibah adalah ketentuan daripada Allah s.w.t. Ia merupakan satu ujian atau cubaan ke atas umat manusia bagi menguji tahap kesabaran mereka. Ini dijelaskan oleh Allah s.w.t melalui firmanNya di dalam surah al-Baqarah, ayat 155-157 yang bermaksud:

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan dan kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar. Orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: Sesungguhnya kami kepunyaan Allah dan kepadaNya kami kembali. Mereka itulah orang yang dilimpahi dengan kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmatNya; dan mereka itulah orang yang mendapat petunjuk hidayahNya “.

Kesimpulan

Dalil-dalil yang dikemukakan jelas mengajak umat Islam keseluruhannya agar sentiasa positif di dalam membuat sebarang tindakan. Ini adalah demi menjamin kehidupan mereka sentiasa bersifat dinamik dan mengalami peningkatan serta meneruskan kesinambungan kehidupan mereka di dunia dan akhirat. Wassalam.